



# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

27 Ogos 2012

27 August 2012

P.U. (A) 268

### PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 3) 2012

### *STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 3) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 3) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 3) 2012.**  
  
(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 11 Februari 2010.

**Tafsiran**

2. Bagi maksud Perintah ini, “entiti Labuan” hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*].

**Pengecualian**

3. Surat cara yang berikut adalah dikecualikan daripada duti setem:

JADUAL

- (a) semua surat cara yang disempurnakan oleh suatu entiti Labuan berkaitan dengan suatu aktiviti perniagaan Labuan;
- (b) semua Memorandum dan Perkara Persatuan, statut, piagam, kaedah-kaedah, undang-undang kecil, perjanjian perkongsian atau surat cara lain, yang di bawahnya atau dengannya suatu entiti Labuan ditubuhkan dan ruang lingkup fungsi, perniagaan, kuasa dan kewajipan entiti itu dinyatakan, sama ada terkandung dalam satu dokumen atau lebih; dan
- (c) semua surat cara pindah milik saham dalam suatu entiti Labuan.